

07 JAN 1997

Penempatan

PERLIS SUSUN SEMULA PENEMPATAN TEBING SUNGAI

KANGAR, 7 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Perlis akan mengambil langkah agresif untuk menyusun semula penempatan penduduk di tebing-tebing sungai sebagai usaha menjaga kebersihan dan keindahan sungai.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, usaha itu perlu diteruskan kerana tindakan awal yang dilakukan sejak setahun lepas melalui program "Cintailah Sungai Kita" menunjukkan kesan yang positif daripada aspek kebersihan sungai di negeri ini.

Beliau berkata, melalui program itu semua kawasan penempatan yang dibangunkan di tebing sungai tidak dibenarkan lagi dibina rumah secara membelakangi sungai.

"Rumah-rumah yang hendak dibina dimestikan menghadap ke sungai dan kawasan untuk rezab jalan perlu diadakan berhampiran tebing," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Katanya, kerajaan sedar bahawa sekiranya dibiarkan penduduk mendirikan rumah secara membelakangi sungai, mereka akan menjadikan sungai sebagai tempat membuang sampah.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri sedang merancang untuk menyusun semula penempatan nelayan di Kuala Perlis bagi mengatasi masalah kesesakan rumah yang dibina di muara sungai itu.

Shahidan juga berkata, kerajaan negeri menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya penduduk yang tinggal di tebing-tebing sungai dipindahkan ke tempat yang lebih selamat bagi mengelakkan kemungkinan buruk seperti kejadian banjir besar di daerah Keningau, Sabah baru-baru ini. -- BERNAMA

IQ NMO